



جايتم كمالهوان اسلام ماليسيا

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
CAWANGAN SABAH

Aras 6, Blok A,
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah,
Jalan Ums, Peti Surat 14725
88400 Kota Kinabalu, Sabah

Tel : 088-488641/642
Faks : 088-488645
Portal : www.islam.gov.my

Ruj. Kami : JAKIMSBH. 100-12/1/1 JLD 6 (69)
Tarikh : 12 September 2025M
: 19 Rabi'ulawal 1447H

PENGARAH

Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah,
Kampus Kudat,
KM 6, Jalan Kampung Minawo,
89009 Keningau Sabah

Puan,

UNDANGAN MENGHADIRI BENGKEL *TRAINING OF TRAINERS* (TOT) LAMAN WEB JAKIM SABAH

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Cawangan Sabah melalui Unit Komunikasi Strategik, Korporat dan Inovasi akan mengadakan **Bengkel *Training Of Trainers* (TOT) Laman Web JAKIM Sabah** seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 25 – 26 September 2025 (Khamis – Jumaat)
Masa : 8.30 pagi – 4.30 petang
Tempat : Bilik Trus Madi, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah, Kota Kinabalu

3. Objektif kursus ini bertujuan untuk memastikan laman web JAKIM Sabah boleh diakses oleh masyarakat dan memenuhi keperluan pelanggan serta memberikan latihan yang bersesuaian kepada pentadbir.

4. Sehubungan dengan itu, jabatan ini menjemput **dua orang kakitangan** di bawah seliaan puan untuk menghadiri bengkel ini. Bersama-sama ini disertakan atur cara bengkel seperti di **Lampiran A** dan pengesahan kehadiran seperti di **Lampiran B** untuk perhatian puan.

5. Untuk makluman pihak puan, setiap peserta adalah digalakkan untuk membawa komputer riba masing-masing bagi memudahkan sesi latihan. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi urus setia iaitu **Encik Mohd Nur Amirul Izats bin Mohd Arif** di talian **014-2990396**.

Perhatian dan kerjasama puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, *wassalam*.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(KHAIRUNNISA' BINTI YUSOF)

b.p. Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
Cawangan Sabah

**ATUR CARA BENGKEL *TRAINING OF TRAINERS* (TOT)
LAMAN WEB JAKIM SABAH**

25 September 2025 (Khamis)


8.00 pagi	: Sarapan pagi
9.00 pagi	: Slot 1 – Pengenalan CMS
10.00 pagi	: Minum pagi
10.30 pagi	: Slot 2 – Kaedah Log Masuk Sistem, Dashboard CMS dan Tambah/Edit/Padam Artikel
12.30 tengah hari	: Makan tengah hari / Solat Zohor
2.30 petang	: Slot 3 – Mengurus Gambar dan Galeri, Muat Naik Dokumen dan Fail Muat Turun
4.30 petang	: Minum petang / Bersurai

26 September 2025 (Jumaat)

8.00 pagi	: Sarapan pagi
9.00 pagi	: Slot 4 – Mengurus Menu, Pautan dan Pengumuman/Berita Terkini
10.00 pagi	: Minum pagi
10.30 pagi	: Slot 5 – Pengurusan Pengguna dan Kawalan Akses
11.30 pagi	: Makan tengah hari / Solat Jumaat
2.30 petang	: Slot 6 – Integrasi Dengan Modul Khas (Direktori)
4.30 petang	: Minum petang / Bersurai

LAMPIRAN B

**PENGESAHAN KEHADIRAN BENGKEL *TRAINING OF TRAINERS* (TOT) LAMAN WEB
JAKIM SABAH**



<https://forms.gle/XErVEhznYDr5QsJn8>

Pengesahan kehadiran boleh dibuat sebelum atau pada **22 September 2025 (Isnin)**